

Ruj. Kami : CAAM.HQ.500(S)-10.1 Jld. (15)
Tarikh : 1 Julai 2022



**Pegawai Di Skim Perkhidmatan,
Penolong Akauntan, Pembantu Tadbir (Perkeranian & Operasi), &
Pembantu Tadbir (Kewangan)
Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia.**

Tuan/ Puan,

**URUSAN KENAIKAN PANGKAT SECARA *TIME-BASED* BERASASKAN
KECEMERLANGAN TIGA BELAS (13) TAHUN PERTAMA (TBK1) KUMPULAN
PELAKSANA DI PIHAK BERKUASA PENERBANGAN AWAM MALAYSIA (CAAM)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Unit Pengurusan Sumber Manusia sedang dalam proses mengumpul maklumat untuk urusan kenaikan pangkat secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan Tiga Belas (13) Tahun Pertama (TBK1) Kumpulan Pelaksana. Sehubungan itu, tuan/ puan ditawarkan bagi urusan berkenaan dan perlu memenuhi syarat-syarat seperti berikut :-

- a. **Telah disahkan dalam perkhidmatan;**
 - b. **Telah dilantik pada 31 Disember 2009 dan sebelumnya;**
 - c. **Markah LNPT tahun terkini (2021) dan wajaran LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2019, 2020 dan 2021) tidak kurang 80%;**
 - d. **Lulus Tapisan Keutuhan SPRM;**
 - e. **Telah Isytihar Harta tempoh 5 tahun terkini (Berdasarkan Peraturan Berkuatkuasa) – Salinan Surat Perisytiharan Harta perlu dilampirkan;**
 - f. **Bebas daripada Tindakan atau Hukuman Tatatertib;**
 - g. **Bebas disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada Institusi Pinjaman Pendidikan (Lampiran B3);**
 - h. **Tidak hilang kekananan – jika pegawai cuti separuh gaji dan cuti tanpa gaji kecuali cuti belajar yang diluluskan oleh pihak berkuasa berkenaan; dan**
 - i. **Diperakukan oleh Ketua Jabatan [Pengarah Bahagian/Wilayah].**
3. Semua pegawai yang layak dipertimbangkan bagi urusan ini perlu melengkapkan maklumat menggunakan Lampiran A, Lampiran B, Lampiran C dan Lampiran D seperti di pautan dilampirkan dan mengemukakan maklumat-maklumat yang lengkap **sebelum atau pada 8 Julai 2022** ke Unit Pengurusan Sumber Manusia,


BKP. Semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) perlu memastikan hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat seperti di atas sahaja dikemukakan kepada Bahagian ini. Selain itu, PTJ juga perlu **menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini**. Sebarang kesilapan fakta yang telah disahkan oleh pihak tuan/puan boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan. Permohonan yang tidak lengkap atau lewat diterima tidak akan di proses.

4. Adalah dimaklumkan bahawa pemangkuan ini berkemungkinan akan melibatkan pertukaran penempatan berdasarkan kekosongan hakiki jawatan. Oleh yang demikian, tuan/ puan dikehendaki menyatakan sama ada bersedia bertukar atau tidak sekiranya diluluskan pemangkuan di dalam borang pertimbangan pemangkuan yang dikembarkan bersama sebelum dipanjangkan ke Bahagian Khidmat Pengurusan **pada atau sebelum atau pada 8 Julai 2022**.
5. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung dengan urusan pemangkuan ini boleh diajukan terus kepada pegawai berikut:
 - i. Puan Ivy Goh A/P Dzul - 03-8871 4184
(e-mel : ivy@caam.gov.my)
 - ii. Puan Nur Amalina Binti Ibrahim - 03-88714162
(e-mel : amalina@caam.gov.my)
6. Segala kerjasama dan perhatian tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

“ WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menalankan amanah,



(DG. SITI NOOR JEHAN BINTI AG. MOHD SAUFI)

Pengarah Khidmat Pengurusan
b.p Ketua Pegawai Eksekutif
Pihak Berkuasa Penerbangan Awam
Malaysia.

s.k Ketua Pegawai Eksekutif (CEO)

Borang / Surat bagi Urusan Pertimbangan Kenaikan Pangkat *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan Tiga Belas (13) Tahun Pertama (TBK1) bagi Skim Perkhidmatan Pelaksana.

*Mohon klik di setiap perkara dibawah untuk muat turun dokumen yang berkaitan.

BIL.	PERKARA
1.	<u>Senarai Semak (TBK1)</u>
2.	<u>Lampiran A - Borang Penilaian <i>Time-Based</i> Berasaskan Kecemerlangan Kali Pertama (TBBK)</u>
3.	<u>Lampiran A1 – Borang Penilaian <i>Time-Based</i> Berasaskan Kecemerlangan Kali Pertama (TBK1)</u>
4.	<u>Lampiran A3 – Borang Penilaian Semula <i>Time-Based</i> Berasaskan Kecemerlangan Kali Pertama (TBK1) (Rayuan)</u> - Jika berkaitan
5.	<u>Lampiran B – Borang Penilaian <i>Time-Based</i> Berasaskan Kecemerlangan Kali Kedua (TBK2)</u> - Jika berkaitan
6.	<u>Lampiran B2 – Borang Penilaian Semula <i>Time-Based</i> Berasaskan Kecemerlangan Kali Pertama (TBK2) (Rayuan)</u> - Jika berkaitan
7.	<u>Lampiran B3 – Surat Akuan Pinjaman Pendidikan</u> (sertakan salinan penyata bayaran / penyelesaian pinjaman pendidikan)
8.	<u>Lampiran C - Borang Penilaian Tahap Potensi Ketua Jabatan</u> (cetakan daripada Modul PTP HRMIS dan dinilai oleh Ketua Jabatan atau Pegawai Penilai Kedua)
9.	<u>Lampiran D - Borang Tapisan Keutuhan SPRM</u> (tempoh sah 6 bulan)